

11 DEC 2001

Mahathir-Raya (Bergambar)

PM UMUM DUIT RAYA RM100 SEORANG UNTUK GOLONGAN TERMISKIN

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Kerajaan akan memberi RM100 seorang kepada golongan termiskin di negara ini sempena Hari Raya dan Tahun Baru Cina ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkannya hari ini berkata dianggarkan tujuh peratus daripada 23 juta rakyat Malaysia akan menerima "duit raya" itu sebelum hari raya ini.

"Kita bagi RM100 setiap orang yang termiskin di seluruh Malaysia. Ini kali pertama kita bagi sebab kita ada duit sikit," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan wang tunai RM100 kepada 200 orang miskin pelbagai kaum di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor di Masjid Wilayah Persekutuan, di sini.

Dr Mahathir berkata kerajaan merasakan golongan miskin perlu dibantu terutama menjelang musim perayaan supaya mereka juga dapat bergembira bersama mereka yang berkemampuan untuk menyambut perayaan yang bakal tiba.

Penerima bantuan itu adalah dari kawasan-kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Dr Mahathir berkata dalam keadaan ekonomi dunia yang sedang merosot, rakyat negara ini masih boleh berbelanja, dapat makan dan berpakaian elok serta tinggal di rumah yang sempurna.

"Tapi kita sedar ada rakyat yang miskin di bandar dan luar bandar. Walaupun mereka miskin, taklah sampai kebuluran. Tetapi mereka tak dapat bergembira menjelang raya sebab mereka kurang wang untuk berbelanja.

"Oleh itu, kerajaan memberi duit raya. Taklah banyak, tetapi cukuplah untuk buat belanja raya," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan memberi bantuan itu kepada semua yang miskin dan daif di seluruh negara.

Beliau berharap ia tidak diselewengkan oleh pihak-pihak tertentu.

Katanya kadang-kadang bantuan yang semudah itupun susah untuk diberi, sambil memberi contoh isu penyelewengan wang Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang tidak sampai kepada mereka yang berhak.

"Nak belanja duit kerajaan tidak sama seperti kita belanja duit sendiri. Duit sendiri boleh beri kepada sesiapa tetapi duit kerajaan kenalah ikut peraturan," katanya.

Dr Mahathir berkata bantuan itu tidak terhad kepada mereka yang merayakan Aidilfitri sahaja tetapi juga diberi kepada yang bukan Islam supaya mereka sama-sama dapat bergembira dengan orang Islam menyambut hari raya.

"Kita tidak diskriminasi dalam membantu orang daif dan harap mereka dapat merasai nikmat berhari raya," katanya.

Yang turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

-- BERNAMA

NZ MAM MAI